

Headline	Belajar cintai sungai		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	29 Dec 2014	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	27	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	840 cm ²
Journalist	SITIAINIZA KAMSARI	AdValue	RM 16,602
Frequency	Daily	PR Value	RM 49,806



PERSEKITARAN Sungai Kroh di Pusat Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) Kepong, Kuala Lumpur masih mengekalkan keindahan kehijauan dan alam semula jadi.

Sungai Kroh di FRIM jadi tumpuan ahli BPS

Belajar cintai sungai

Oleh SITIAINIZA KAMSARI
kota@utusangroup.com.my

■ KUALA LUMPUR 28 DIS.

SEGALA-GALANYA bermula ketika Tan Sri Rozali Ismail ke sungai di Sabak Bernam, Selangor untuk memancing. Walaupun ketika itu beliau berjawatan tinggi sebagai Pengurus Eksekutif Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (Syabas), ia bukan halangan untuknya meneruskan hobi memancing di sungai.

“Ketika memancing, tiba-tiba datang seorang bapa bersama anaknya yang masih kecil, menuju ke sungai berhampiran untuk membuang sampah.

“Saya cuba tegur perbuatan lelaki itu tentang kepentingan menjaga sungai yang menjadi sumber bekalan untuk kita minum dan memasak.

“Teguran saya tidak diendahkan si bapa, sebaliknya dimarahi,” katanya ditemui semasa hadir pada

program Briged Penyelamat Sungai (BPS) River Fun Day sempena sambutan Hari Sungai Sedunia di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), baru-baru ini.

Kira-kira 200 pelajar sekolah rendah dan menengah menyertai program yang berkoncepcian pembelajaran dan aktiviti riadah itu.

Apa yang menyediakan kata Rozali, perbuatan si bapa itu turut ditiru oleh si anak seolah-olah perbuatan itu bukan satu kesalahan.

“Peristiwa itu benar-benar memberi kesan kepada saya yang begitu sayang dan cintakan alam semula jadi. Ia juga memberi ilham kepada saya untuk menubuhkan BPS,” katanya.

Menerangkan lebih lanjut mengenai BPS, beliau berkata, sehingga kini terdapat lebih daripada 15,000 ahli BPS dari 600 buah kelab BPS yang ditubuhkan di peringkat sekolah rendah, menengah dan universiti di seluruh Selangor dan

Wilayah Persekutuan.

Katanya, objektif BPS bertujuan untuk mendidik dan memberi pendedahan lebih dekat kepada para pelajar tentang kepentingan memelihara dan memulihara sungai demi kelangsungan kitaran ekosistem yang sempurna kepada setiap hidupan.

“Dalam masa yang sama, ia juga dapat meningkatkan lagi rasa tanggungjawab para pelajar untuk memelihara dan memulihara sungai daripada tercemar dan menjadikannya sebagai tanggungjawab bersama.


“Walaupun mereka bakal memegang pelbagai jawatan dan kerjaya, merekaalah individu yang akan mempertahankan sungai kita dari pada terus dicemari,” katanya.

Sungai Kroh, sepanjang 1.835 kilometer itu tepat sekali dijadikan lokasi sambutan sempena Hari Sungai Sedunia kerana persekitarannya masih mengekalkan kehijauan dan keindahan alam semula jadi.


Headline	Belajar cintai sungai		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	29 Dec 2014	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	27	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	840 cm ²
Journalist	SITIAINIZA KAMSARI	AdValue	RM 16,602
Frequency	Daily	PR Value	RM 49,806



▲ PARA peserta membersihkan sungai dalam Program BPS River Fun Day sempena Hari Sungai Sedunia di FRIM, Kepong, Kuala Lumpur, baru-baru ini.



◀ DUA ahli Briged Penyelamat Sungai, Nur Alyadiana Azrol Anuar (kanan) dan rakanannya, Anis Sofea Zairi melihat proses penulenan air dalam Program BPS River Fun Day sempena Hari Sungai Sedunia di FRIM, Kepong, Kuala Lumpur.



PENGUNJUNG boleh melakukan aktiviti santai sambil menikmati keindahan alam semula jadi di kawasan air terjun Sungai Kroh, FRIM, Kepong, Kuala Lumpur.